

0993

U B268 DEB

MAHATHIR 9 9 9

1985

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- SEMUA MASALAH DALAM PARTI UMNO YANG DIBAWA KE MAHKAMAH OLEH ANGGOTA-ANGGOTA UNTUK Mencari penyelesaian akan ditarik balik.

PERDANA MENTERI SELAKU PRESIDEN UMNO BERKATA MAJLIS TERTINGGI (MT) PARTI DALAM MESYUARATNYA HARI INI TELAH BERSETUJU BAHAWA KES-KES MAHKAMAH DISELESAIKAN MENGIKUT SALURAN-SALURAN PARTI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU BAHAWA APA JUA MASALAH YANG TIMBUL DALAM PARTI AKAN DISELESAIKAN MENGIKUT SALURAN-SALURAN PARTI HINGGA KEPADA PERINGKAT MAJLIS TERTINGGI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO TURUT HADIR DALAM MESYUARAT YANG BERLANGSUNG KIRA-KIRA LIMA JAM DI IBU PEJABAT UMNO ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HANYA SETELAH MAJLIS TERTINGGI DIANGGAP TIDAK MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN PARTI DALAM MENYELESAIKAN PERTIKAIAN-PERTIKAIAN DALAM PARTI, MAKA BARULAH IA DIRUJUKKAN KEPADA MAHKAMAH UNTUK PENYELESAIAN. -- LAGI  
1549MST 06 07 85

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO ADALAH TERIKAT DENGAN PERLEMBAGAAN PARTI DAN TIADA SEBAB MEREKA TIDAK MENERIMA KEPUTUSAN ITU.

KEPUTUSAN MENARIK BALIK KES-KES MAHKAMAH ITU DICAPAI DALAM PERBINCANGAN MENGENAI MASALAH-MASALAH DALAM PARTI YANG DIHADAPI OLEH UMNO, JELAS BELIAU.

KATA BELIAU ANTARA KEPUTUSAN YANG DIBUAT BERHUBUNG DENGAN ITU IALAH MENGARAHKAN ENCIK BAHADOR SHAH, SETIAUSAHA POLITIK KEPADA MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SERI SANUSI JUNID MENARIK BALIK SATU KES SAMAN MALU.

ENCIK BAHADOR TELAH MENGEMUKAKAN SAMAN MALU TERHADAP BEKAS MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN EKORAN DAKWAAN TERHADAP ENCIK BAHADOR BAHAWA BELIAU MEMANCIING UNDI MELALUI WANG DALAM PEMILIHAN UMNO BAHAGIAN JERLUN-LANGKAWI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU SENDIRI TELAH MENDAPAT PERSETUJUAN DARIPADA ENCIK BAHADOR UNTUK MENYELESAIKAN MASALAHNYA ITU MENGIKUT SALURAN-SALURAN PARTI SERTA MENERIMA APA JUA KEPUTUSAN YANG DIBUAT.

-- LAGI

1630MST 06 07 85

#### MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KEDUA-DUA BELAH PIHAK YANG TERBABIT DALAM PERTIKAIAN YANG MELIBATKAN ENCIK BAHADOR ITU BERSETUJU SUPAYA MASALAH ITU DISELESAIKAN DI LUAR MAHKAMAH, JELASNYA.

SATU LAGI KEPUTUSAN PENTING YANG DICAPAI IALAH CADANGAN MEMINDA PERLEMBAGAAN PARTI UNTUK MENAMBAH ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI YANG DIPILIH LIMA ORANG LAGI IAITU MENJADIKANNYA 25 ORANG.

MENGENAI UMNO BAHAGIAN TUMPAT, BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA BAHAGIAN ITU HENDAKLAH MEMBERI ALASAN-ALASAN KEPADANYA MENGAPAKAH IA TIDAK HARUS DIGANTUNG SEBAGAI SEBUAH BAHAGIAN.

KATANYA BAHAGIAN ITU DIBERI TEMPOH DUA MINGGU UNTUK BERBUAT DEMIKIAN KEPADA DATUK MUSA DAN ANGGOTA JAWATANKUASA DISIPLIN PARTI.

MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN ITU BARU-BARU INI DIARAH DITANGGUHKAN OLEH SEORANG WAKIL PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN KERANA DIADAKAN LEBIH AWAL DARIPADA JADUALNYA.

WALAUPUN MESYUARAT ITU DITERUSKAN JUGA DAN Pengerusi Bahagian itu ENCIK MOHAMED AWANG DIPILIH SEMULA, TETAPI IA DIANGGAP SEBAGAI TIDAK SAH OLEH BADAN PERHUBUNGAN ITU. -- LAGI

1654MST 06 07 85

0033

U B299 DEB

#### MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MAJLIS TERTINGGI JUGA MENGAMBIL KEPUTUSAN BAHAWA SEMUA PEMIMPIN UMNO DIJEMPUT MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERAYAAN MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN YANG AKAN DIADAKAN DI MELAKA.

BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTERA AL-HAJ AKAN MERASMIKAN SEBUAH MEMORIAL MENGENAI KEMERDEKAAN NEGARA PADA PERAYAAN ITU, KATANYA.

MENGENAI KOD ETIKA ATAU GARIS PANDUAN UNTUK MENGATASI ARAH ALIRAN TIDAK SIHAT DALAM PARTI TERMASUK POLITIK WANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TELAH DIBINCANGKAN.

KATANYA BAGAIMANAPUN PERKARA ITU AKAN DIHALUSI LAGI OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG DITUBUHKAN UNTUK MENGGUBAL PERKARA ITU YANG DIKETUAI OLEH DATUK MUSA. -- BERNAMA

1706MST 06 07 85